KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	17.05.22	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	JPSM			

Tiada aktiviti pembalakan di Gunung Suku

IPOH – Tiada aktiviti pembalakan dikesan di kawasan Hutan Simpan Bukit Kinta di Jalan Simpang Pulai-Cameron Highlands, Simpang Pulai di sini yang merupakan lokasi dua pendaki wanita hilang kelmarin.

Sebaliknya, kes kehilangan dua pendaki itu berlaku disebabkan fenomena kepala air hingga menyebabkan mangsa dihanyutkan arus deras.

Jabatan Perhutanan Negeri Perak berkata, kejadian kepala air itu dikatakan berpunca daripada hujan lebat di kawasan berkenaan pada awal pagi kelmarin.

"Berdasarkan semakan, tiada sebarang lesen pembalakan diluluskan di sekitar lokasi berkenaan.

"Pihak jabatan akan menutup sementara kebenaran mendaki di Gunung Suku ekoran keadaan yang agak berbahaya ketika ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Semakan Pejabat Hutan Daerah Kinta/Manjung mendapati kehilangan dua pendaki itu berlaku pada sebahagian kompartmen 115 Hutan Simpan Bukit Kinta di dalam daerah Hutan Kinta/Manjung.

Gunung Suku terletak kira-kira 30 kilometer dari Balai Polis Simpang Pulai di Jalan Simpang Pulai menghala ke Cameron Highlands.